



KONSEP ‘HALĀLAN TAYYIBA’ DALAM PEMAKANAN DAN IMPLIKASINYA TERHADAP KESEMPURNAAN IBADAH

Oleh:

Syed Mohammad Hilmi bin Syed Abdul Rahman*

Muhammed bin Yusof**

Luqman bin Hj. Abdullah***

ABSTRAK

Antara tujuan utama penciptaan manusia adalah untuk beribadah dan mengabdikan diri kepada Allah S.W.T. Dalam melaksanakan tanggungjawab ini, setiap muslim amat berharap agar segala amalan yang dilaksanakan sama ada bersifat wajib atau sunat diterima sepenuhnya oleh Allah S.W.T. Untuk mencapai hasrat ini, pengambilan dan penggunaan bahan sama ada halal atau haram merupakan salah satu faktor penyumbang terpenting dalam memberi justifikasi terhadap penerimaan dan penolakan sesuatu amalan. Oleh itu, kertas kerja ini akan menjelaskan konsep ‘Halālan Tayyiba’ menurut beberapa pandangan ulama’ dan penghayatannya dalam konteks semasa. Manakala fokus tulisan ini ditumpukan kepada konsep ‘Halālan Tayyiba’ dalam pemakanan sahaja. Selain itu, implikasi halal haram daripada pengambilan tersebut terhadap kesempurnaan ibadah akan turut dibincangkan.

* Syed Mohammad Hilmi bin Syed Abdul Rahman (M.A) merupakan Pensyarah di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Beliau kini sedang melanjutkan pelajaran (Ph.D) di Jordan.

** Muhammed bin Yusof (M.Us) merupakan Felo SLAI dan calon Doktor Falsafah di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Univerisiti Malaya.

*** Luqman bin Hj. Abdullah (Ph.D) merupakan Penyarah Kanan di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



ABSTRACT

Among the main purpose of human creation is to worship Allah. In performing this responsibility, every Muslim hopes that all worships implemented either mandatory or recommended is fully accepted by Allah SWT. To achieve this objective, consumption and use materials whether lawful or unlawful is one of the most important contributing factors in providing justification of acceptance and rejection of the worship. Therefore, this article will explain the concept of ‘Halālan Tayyiba’ according to some Muslim scholars and its application in the context of time. However, this article will focus on the concept of ‘Halālan Tayyiba’ in the diet only. In addition, implications of lawful and unlawful intake of food against the perfection of worship will also be discussed.

Keywords: Halalan Tayyiba, halal food, shubhah, tayyib

PENDAHULUAN

Halal dan haram merupakan persoalan penting bagi umat Islam terutama apabila membicarakan berkaitan makanan, minuman dan pakaian serta bahan-bahan kegunaan lain. Pemilihan kepada yang halal adalah wajib bagi setiap umat Islam¹ dan pada masa yang sama juga meninggalkan yang haram adalah merupakan suatu kewajipan. Dalam usaha mencari yang halal, satu aspek yang kurang diberi perhatian adalah mencari “halal yang baik” (*halālan tayyiba*). Halal dan haram secara khusus adalah telah diketahui umum tetapi pengertian ‘*tayyib*’ yang dikaitkan dengan halal juga merupakan antara perkara penting yang seharusnya diambil perhatian. Ini bertujuan supaya segala pengambilan makanan dan minuman kita selain bertepatan dengan kehendak syara’ juga tidak memberi implikasi tidak baik kepada kesucian jiwa dan hati manusia.

¹ Hadith riwayat Ibn Mas‘ūd: طلب الحلال فريضة على كل مسلم Maksudnya: *Mencari yang halal itu adalah wajib bagi setiap orang Islam*. Pengertian hadith ini selari dengan pendapat sebahagian ulama yang memberikan tafsiran bahawa yang dimaksudkan dengan kewajipan menuntut ilmu pengetahuan dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah dalam *Sunnannya*: طلب العلم فريضة على كل مسلم ialah mencari ilmu mengenai perkara yang berkaitan dengan halal dan haram. Al-Qāsimī, al-Shaykh Muḥammad Jamāl al-Dīn (1994), *Maw’izat al-Mu’minin min Ihyā’ Ulūm al-Dīn*, (ed.) ‘Āsim Bahjat al-Bayṭar. Beirut: Dār al-Nafā’is, h. 187-188.



PENGERTIAN HALAL, HARAM DAN SHUBHAH

Pengertian halal dan haram

Pengertian tentang hukum halal dan haram adalah perkara yang telah diketahui umum. Bagi masyarakat awam halal adalah merujuk kepada perkara yang dibenarkan oleh syara’ manakala haram adalah perkara yang dilarang atau ditegah oleh syara’.² Perkara-perkara yang telah jelas diketahui melalui nas tentang status halal atau haramnya wajib diterima pakai oleh umat Islam tanpa sebarang persoalan lagi. Walaubagaimanapun bagi yang tidak disebut secara jelas dalam nas maka penentuan halal atau haramnya timbul sedikit masalah. Dalam pengajian fekah dan *uṣūl*nya kita dibentangkan dengan berbagai pandangan fuqaha’ dan kaedah untuk menentukan status halal atau haram perkara tersebut. Ternyata bagaimana terjadinya ketetapan hukum itu bukanlah suatu perkara yang mudah dijelaskan lebih-lebih lagi apabila kita merujuk kepada kompleksiti dunia moden yang memunculkan berbagai penemuan baru kepada manusia.

Kompleksiti penentuan hukum halal haram dalam kes-kes yang tidak dijelaskan oleh nas dapat digambarkan seawal zaman Imam Abū Ḥanīfah dan Imam al-Shāfi‘ī lagi apabila mereka berbeza pendapat dalam membina teori halal dan haram. Teori yang diadoptasikan oleh Imam al-Shāfi‘ī ialah bahawa yang halal itu ialah sesuatu yang tidak ada dalil daripada syara’ yang mengharamkannya. Manakala Imam Abū Ḥanīfah pula berpandangan bahawa yang haram itu ialah sesuatu yang tidak ada dalil daripada syara’ yang menghalalkannya.³

Berdasarkan pendapat Imam al-Shāfi‘ī, beliau menghukumkan halal bagi tiap-tiap sesuatu yang tidak ada dalil untuk menentukan haramnya, termasuklah juga sesuatu yang sememangnya ada dalil yang menerangkan halalnya atau sesuatu yang didiamkan sahaja hukumnya (*al-maskut ‘anh*) iaitu yang tidak ditentukan hukumnya. Oleh itu, perkara yang didiamkan itu hukumnya tetap halal menurut pendapat beliau kerana tidak ada dalil dari syara’ yang mengharamkannya.

² Dalam *Kamus Dewan*, perkataan halal bermaksud hukum membenarkan sesuatu perbuatan dilakukan (dalam Islam), diperbolehkan (tidak ditegah oleh syarak), diizinkan, dibenarkan, lawan haram. Haram pula bermaksud hukum tegahan (dalam Islam) yang dijanjikan ganjaran pahala bagi orang yang mematuhi dan dosa bagi orang yang mengingkarinya. Noresah Bt Baharom *et al.* (ed.) (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 502 & 51.

³ Al-Suyūṭī (2001), *al-Ashbah wa al-Naẓā’ir*, jil. 1. Lubnan: Dār al-Kutub, hal. 131-132.



Merujuk kepada pendapat Imam Abū Ḥanīfah, beliau menghukumkan tidak halal ke atas sesuatu melainkan apabila syara' telah menyatakan halalnya secara tegas. Oleh itu, berdasarkan takrifan ini, sesuatu yang didiamkan adalah hukumnya haram kerana tidak ada dalil yang menunjukkan halalnya.

Secara kesimpulannya, Imam Abū Ḥanīfah dalam perkara tersebut telah mengambil jalan *Iḥtiyāt* (jalan yang sejahtera dan terpelihara), manakala Imam al-Shāfi‘ī telah memilih jalan *takhfīf wa al-taysīr* (jalan yang meringankan dan memudahkan).

Menurut Yūsuf al-Qardāwī, dasar pertama yang ditetapkan Islam ialah asal sesuatu yang dicipta Allah S.W.T adalah halal dan *mubāh* (harus). Tidak ada satu pun yang haram kecuali terdapat nas yang sah dan jelas daripada *Shāri`* (iaitu daripada Allah dan Rasul) yang mengharamkannya. Sekiranya tidak ada nas yang sah seperti terdapat sebahagian Hadith lemah atau tidak ada nas yang jelas yang menunjukkan haram, maka keadaan tersebut tetap sebagaimana asalnya iaitu harus.⁴ Pendapat ini berasaskan kepada kaedah ‘*al-Asl fī al-Ashyā` al-Ibāhah*’ yang diterima pakai dalam mazhab Shāfi‘ī iaitu asal kepada sesuatu itu adalah harus. Berdasarkan kaedah ini, maka lebih mudah untuk ditentukan sesuatu itu sama ada halal ataupun haram.

Pengertian *Shubhah*

Shubhah bererti kesamaran (kerana tidak jelas hukumnya antara halal dan haram).⁵ Oleh itu sesuatu yang *shubhah* bermaksud sesuatu yang mempunyai kesamaran hukumnya iaitu tidak dapat dipastikan sama ada halal atau haram dengan cara yang tertentu.

Imam Aḥmad mendefinisikan *shubhah* ialah sesuatu yang diperselisih mengenai status halal sama ada makanan seperti kuda,⁶ minuman seperti

⁴ Al-Qaraḍāwī, Yūsuf (2000), *al-Ḥalāl wa al-Harām fī al-Islām*, c. 24. Kaherah: Maktabah Wahbah, h. 20-21. Menurut Dr. Muṣṭafā Muḥammad al-Sayyid Abū ‘Imārah, selain nas yang sah daripada al-Qur'an dan Hadith, penentuan halal sesuatu itu juga berdasarkan kepada ijmak ulama dan ketidaaan nas yang menegahnya, manakala yang haram juga ditentukan melalui ijmak ulama' dan sesuatu yang terdapat padanya hukum hudud, takzir atau ancaman. Abū ‘Imārah, Muṣṭafā Muḥammad al-Sayyid (1990), *al-Inārah fī Ahādīth al-Mukhtarāh*, Juzuk II. Kaherah: Dār al-Ṭibā`ah al-Muhammadiyyah, h.18 dan 22.

⁵ Noresah Bt Baharom *et al.* (ed.) (2005), *op.cit.*, h. 1560.

⁶ Kuda halal menurut Imam al-Shāfi‘ī.



Konsep ‘Halālān Tayyiba’ Dalam Pemakanan Dan Implikasinya Terhadap Kesempurnaan Ibadah *nabiz*⁷ atau pakaian seperti kulit binatang buas⁸. Beliau juga mengatakan bahawa *shubhah* ialah campuran antara yang halal dan yang haram seperti percampuran dalam harta benda dan wang ringgit.

Sehubungan itu, Imam al-Ghazālī menjelaskan dalam *Iḥyā*’nya bahawa percampuran antara sesuatu yang haram dengan yang halal yang tidak dapat dihitung seperti harta-harta yang ada pada masa kini adalah suatu bentuk percampuran yang tidak haram digunakan sesuatu daripadanya dengan tertentu kecuali jika yang tertentu itu disertai dengan tanda yang tertentu pula (dengan haramnya).⁹ Walaubagaimanpun menurut al-Ghazālī lagi adalah lebih baik untuk bersifat wara’ dalam hal ini dan beliau sendiri lebih mengutamakan wara’ dalam hal ini.¹⁰

Antara sebab yang menimbulkan *shubhah* atau kesamaran hukum sama ada halal atau haram ialah pertentangan antara dua dalil iaitu tidak diketahui yang mana satukah dalil yang terkemudian di antara dua dalil yang menghalal dan mengharamkannya atau ketiadaan nas (dalil) yang jelas padanya.¹¹

KONSEP ‘HALALAN TAYYIBA’

Agama Islam telah menggariskan panduan terhadap perkara-perkara yang diharuskan kepada umat Islam untuk dimakan, diminum atau digunakannya. Dalam memilih makanan dan minuman, kehalalannya adalah perkara yang menjadi keutamaan. Dalam al-Qur'an terdapat banyak ayat yang menyebutkan tentang perintah Allah S.W.T. supaya dipilih makanan yang halal dan larangan daripada memakan makanan yang haram.

Antara ayat-ayat tersebut ialah firman Allah S.W.T:¹²

يَأَيُّهَا أَنْبَاسُ كُلُّوْ مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالٌ طَيِّبٌ

Wahai sekalian manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik (tayyiba).

⁷ *Nabiz* ialah sejenis minuman yang diperbuat daripada buah tamar atau kismis. Hukum meminumnya adalah haram menurut Imam al-Shāfi‘ī, manakala menurut Imam Abū Ḥanīfah hukumnya tidak haram sekiranya diminum sedikit sahaja.

⁸ Menurut Imam al-Shāfi‘ī, kulit binatang buas haram dipakai sebelum disamak.

⁹ Lihat al-Šuyūṭī (2001), *op.cit.* h. 246.

¹⁰ Lihat Mustafa Abdul Rahman (2000), *Hadis Empat Puluh*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar, h. 145.

¹¹ *Ibid.*,

¹² Surah al-Baqarah 2: 168.



FirmanNya lagi:¹³

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِمَّا مُنْكِرُوا مِنْ طَبَّابَتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ

Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu.

Kedua-dua ayat tersebut menjelaskan kepada kita bahawa Allah S.W.T memerintahkan agar manusia memakan makanan yang halal sepermula yang dituntut ke atas rasul-rasul terdahulu. Ini kerana Allah S.W.T. hanya akan menerima perkara yang baik sahaja sebagaimana yang telah diceritakan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabda Baginda yang diriwayatkan oleh Muslim, Ahmad dan al-Tirmidhi daripada Abū Hurayrah r.a:¹⁴

Sesungguhnya Allah S.W.T. itu baik, tidak menerima melainkan yang baik, dan sesungguhnya Allah S.W.T. memerintah yang baik dan sesungguhnya Allah S.W.T. memerintahkan orang-orang yang beriman dengan apa yang diperintahkan kepada sekalian rasul. Maka Allah S.W.T. berfirman: Maksudnya: "Wahai sekalian rasul! Makanlah daripada yang baik-baik dan beramallah akan yang baik".¹⁵ Dan firman Allah Taala: Maksudnya: "Wahai sekalian orang yang beriman! Makanlah daripada segala yang baik-baik, yang telah kami rezekikan kepada kamu".¹⁶ Kemudian Baginda menceritakan perihal seseorang lelaki yang jauh perjalanan, yang kusut rambutnya lagi berdebu mukanya telah menadahkan kedua tangannya ke langit (berdoa): Ya Tuhanku! Ya Tuhanku! Padahal makannya haram, minumannya haram, pakaiannya haram dan (mulutnya) disuapkan dengan yang haram, maka bagaimanakah akan diperkenankan baginya.¹⁷

Hadith tersebut secara jelas menunjukkan bahawa perkara yang 'tayyib' (baik) begitu ditekankan dalam Islam dan ia seharusnya dipandang serius dan dititikberatkan dalam kehidupan sehari-hari khususnya dalam pemilihan makanan dan minuman.

Berhubung dengan pengertian 'al-tayyib', pelbagai takrifan yang telah diberikan oleh ulama. Antaranya al-Şābūnī telah menjelaskan bahawa semua yang dihalalkan oleh Allah S.W.T. maka ia adalah baik,

¹³ Surah al-Baqarah 2:172.

¹⁴ al-Şābūnī (1999), *Zawā'i al-Bayān Tafsīr Ayāt al-Aḥkām Min al-Qur'ān*, Juz. 1, c. 1. Kaherah: Dār al-Şābūnī, h. 112.

¹⁵ Surah al-Mu'minūn 23:51.

¹⁶ Surah al-Baqarah 2:172.

¹⁷ Al-Nawawī (1999), *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Zakāt, c. 5. Beirut: Dār al-Khayr, h. 83.



Konsep ‘Halālān Tayyiba’ Dalam Pemakanan Dan Implikasinya Terhadap Kesempurnaan Ibadah manakala perkara yang diharamkan pula semuanya adalah tidak baik.¹⁸ Imam al-Qurtubī dalam kitab tafsirnya tidak menjelaskan maksud sebenar perkataan ‘*tayyiba*’ tetapi beliau hanya menghuraikan perkataan ‘*al-akl*’ (makanan) iaitu makanan yang memberi manfaat daripada pelbagai aspek.¹⁹ Walaupun begitu maksud ‘*al-akl*’ yang diberikan oleh beliau mempunyai sedikit persamaan dengan maksud ‘*al-tayyib*’.

Imam al-Ghazālī pula menyatakan bahawa secara umumnya setiap yang halal itu semuanya baik, akan tetapi bentuk kebaikannya mempunyai tahap perbezaan antara satu dengan yang lain iaitu antara yang baik dan yang lebih baik.²⁰

Dalam menghuraikan perkaitan antara perkataan ‘halal’ dan ‘*tayyib*’, Fakhr al-Rāzī telah menjelaskan bahawa perkataan ‘*al-tayyib*’ itu dari segi bahasa bermaksud bersih dan halal disifatkannya baik. Manakala asal perkataan ‘*al-tayyib*’ pula merujuk kepada apa yang melazatkan dan bersesuaian.²¹

Dr Wahbah al-Zuhaylī pula menyatakan bahawa perkataan ‘*tayyiba*’ yang dirujuk kepada makanan ialah ia tidak mempunyai unsur *shubhah* padanya, tidak mempunyai dosa (jika mengambilnya) dan tidak mempunyai kaitannya dengan hak orang lain (ambil tanpa kebenaran).²² Pendapat beliau ini bukan sahaja menekankan kepada aspek zat benda itu sendiri malah ia juga merangkumi persoalan daripada mana ia didapati atau dengan kata lain ia berkaitan dengan sumber rezeki.

Imam Ibn Kathīr²³ dan al-Şābūnī²⁴ menyatakan ‘*halālān tayyiba*’ ialah ‘halal’ merujuk kepada apa yang telah dihalalkan oleh Allah S.W.T.. Manakala ‘*tayyiba*’ pula ialah sesuatu yang halal itu yang bersesuaian dengan diri seseorang yang tidak mendatangkan kemudarat pada tubuh badan dan akalnya. Pentafsiran ini menekan bukan sahaja soal halal tetapi juga soal kesesuaian dan keselamatan diri hasil daripada penggunaan barang atau makanan yang halal.

¹⁸ Al-Şābūnī (1999), *op.cit.*, h. 112.

¹⁹ Al-Qurtubī (t.t), *al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qur’ān al-Karīm Tafsīr al-Qurtubī*, Juz. 1. Kaherah: Dār al-Qalam li al-Turāth, h. 700.

²⁰ Al-Ghazālī (1998), *Iḥyā ‘Ulūm al-Dīn*, Juz. 3. Kaherah: Maktabah Miṣr, h. 122.

²¹ Al-Rāzī (1995), *Tafsīr al-Fakhr al-Rāzī*, j. 3. Beirut: Dār al-Fikr, h. 4.

²² Dr. Wahbah al-Zuhaylī (1991), *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Shari‘ah wa al-Manhaj*, j. 1 & 2. Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āşir, h. 73.

²³ Ibn Kathīr (1998), *Tafsīr Ibn Kathīr*, j. 1. Mesir: Dār al-Kalimah, h. 280.

²⁴ Al-Şābūnī (1997), *Safwah al-Tafsīr*, j. 1, Kaherah: Dār al-Şābūnī, h. 101.



Kesimpulannya, '*halālan tayyiba*' merujuk kepada makanan dan minuman yang telah dihalalkan oleh Allah S.W.T. dan kesemuanya mendarangkan kebaikan kepada manusia, tetapi tahap kebaikan tersebut bergantung kepada kesesuaianya dengan diri individu yang boleh memberikan kesihatan kepada tubuh badan dan akalnya. Di samping itu juga, ia mestilah sesuatu yang dijamin kebersihan dan kesuciannya dan tidak boleh mengandungi unsur-unsur *shubhah* dan dosa (termasuk cara mendapatkannya). Satu mesej penting yang dapat diambil daripada pentafsiran dan penghuraian di atas ialah seseorang muslim diperintahkan agar sentiasa berhati-hati dalam soal pemakanan dengan melihat kepada dua unsur penting iaitu '*halal*' dan '*tayyib*'.

'HALĀLAN TAYYIBA' DALAM PEMAKANAN

Makanan atau minuman yang dikatakan halal sememangnya sudah diketahui umum dan penekanan masyarakat Islam Malaysia kepadanya adalah agak membanggakan. Ini dapat dibuktikan dengan masih wujudnya sensitiviti terhadap isu-isu halal apabila timbul persoalan berkait dengannya. Akan tetapi, persoalan pemakanan '*tayyiba*' yang merangkumi unsur kebersihan makanan dan minuman, kesuciannya, sumber daripada mana ia didapati termasuklah sumber rezeki, tahap kesesuaianya kepada individu sama ada memudaratkan atau mendarangkan kesihatan kepada tubuh badan dan minda mereka serta pengecualiannya daripada unsur *shubhah* kurang dititikberatkan. Walaupun zahir sesuatu itu halal, tetapi unsur-unsur '*tayyiba*' ini jika diabaikan ia juga boleh menyumbang kepada haramnya sesuatu makanan atau minuman.

Di sini secara umumnya konsep *halālan tayyiba* dalam pemakanan dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Kebersihan dan Kesucian

Makanan dan minuman yang halal telah jelas dimaklumi, tetapi terdapat beberapa perkara yang kurang disedari termasuklah proses pembuatan atau penyediaan sesuatu makanan yang boleh menjadikan ia haram di makan. Kaedah pembersihan, ramuan masakan dan alat kegunaan memasak perlu menepati piawaian halal. Dalam hal ini kita sangat bersetuju dengan piawaian halal sebagaimana dinyatakan dalam buku "Garis Panduan Makanan, Minuman dan Bahan Gunaan Orang Islam" yang dikeluarkan oleh JAKIM bahawa sesuatu makanan yang diproses adalah halal sekiranya bahan ramuan dan kaedah pemprosesan adalah suci daripada najis seperti:

- a) Ia tidak terdiri dariapada bahagian atau benda haiwan yang dilarang umat Islam memakannya atau tidak disembelih.



Konsep ‘Halālan Tayyiba’ Dalam Pemakanan Dan Implikasinya Terhadap Kesempurnaan Ibadah

- b) Ia tidak mengandungi apa-apa benda yang dianggap najis mengikut hukum syarak seperti minyak babi, lemak bangkai atau jenis arak.
- c) Semasa disediakan atau diproses, alat yang digunakan bebas daripada najis seperti kuali, periuk pinggan mangkuk dan sudu.
- d) Ia tidak bercampur dengan benda yang haram semasa menyedia, memproses atau menyimpannya.

Garis panduan di atas adalah menepati konsep ‘*halālan tayyiba*’ sebagaimana yang diperjelaskan di atas. Kebersihan bukan sahaja dari segi zat benda tersebut tetapi juga merangkumi proses pembuatannya yang mesti menepati syara’. Kebersihan dan kesucian bermaksud sesuatu benda itu boleh digunakan untuk kegunaan harian dan tidak memudaratkan dan ia mempunyai hubungan langsung dengan akidah dan ibadat kepada Allah S.W.T.. Sebagai contoh, syara’ menetapkan bahawa kaedah menyucikan sesuatu termasuklah makanan adalah menggunakan air mutlak yang mengalir. Sekiranya dibasuh makanan tersebut yang mengandungi najis dalam sebuah bekas besen adalah tidak menepati hukum syarak kerana najis yang melekat pada bahan tersebut tidak akan hilang.

2. *Sumber Rezeki*

Rezeki bermaksud segala sesuatu yang dikurniakan oleh Allah untuk keperluan rohani dan jasmani. Ia juga merupakan pendapatan, penghasilan, pencarian (wang dan lain-lain untuk sara hidup).²⁵ Sumber rezeki mempunyai perkaitan langsung dengan makanan atau minuman yang diambil. Ini kerana sekiranya sumber rezeki yang diperolehnya haram atau *shubhah*, maka makanan yang dimakannya juga dianggap haram atau *shubhah*. Di antara sumber-sumber rezeki yang haram itu berpunca daripada melakukan perbuatan rasuah, ‘riba’ dan lain-lain. Sebahagian besar daripada perbuatan dari kumpulan ini biasanya dilakukan oleh golongan masyarakat yang berkuasa dan berkedudukan, kerana mereka memang mempunyai maklumat, hubungan, peluang dan kesempatan untuk melakukan perbuatan berkenaan.

Manakala sebahagian lagi daripada anggota masyarakat akan terlibat pula dalam perbuatan memakan harta anak yatim, perjudian, loteri, toto, tikam ekor, tenung nasib, pelacuran, rompakan, pencurian, menyamun, melakukan perniagaan ke atas perkara yang diharamkan oleh syariat seperti menjual arak, pasaran saham yang tidak halal, menipu dalam timbangan, mencampur barang elok dengan barang rosak, menjual barang yang merbahaya kepada kesihatan dan lain-lain lagi.

²⁵ *Ibid.*, h. 1327.



Mana-mana perbuatan tersebut akan dikira sebagai hasil rezeki haram yang apabila digunakan untuk membeli makanan, pakaian, tempat tinggal, kenderaan dan kemudahan lain, maka ianya tetap haram.

Sebagai contoh firman Allah S.W.T yang bermaksud:²⁶

'Dan Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba'

Dalam ayat ini jelas Allah menerangkan hukum haramnya riba. Orang-orang yang sentiasa mendapatkan sumber rezeki dengan cara yang haram seperti ini akan mendapat balasan azab Allah sepetimana yang telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sebuah Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad yang bermaksud:

'Tidak akan memasuki syurga daging yang tumbuh daripada yang haram.'

3. Tidak Mendatangkan Kemudaratatan Kepada Fizikal dan Mental

Makanan dan minuman yang halal pada hakikatnya adalah baik, namun sepetimana yang telah dijelaskan oleh Imam al-Ghazālī bahawa antara kebaikan itu mengandungi tahap kesesuaianya yang berbeza iaitu yang manakah lebih baik daripada yang baik. Ini bermakna, kita seharusnya bijak memilih makanan yang betul-betul bersesuaian dengan kita. Sebagai contoh, bagi pesakit diabetis, kandungan gula yang berlebihan dalam makanan atau minuman merupakan penyebab yang boleh memudaratkan mereka. Walaupun ia pada asalnya halal dan baik untuk kesihatan, tetapi sebaliknya pula bagi penghidap penyakit tersebut. Ini bersesuaian dengan firman Allah yang bermaksud:²⁷

'Janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.'

4. Tidak mengandungi Shubhah

Rasulullah s.a.w. telah bersabda:

"Yang halal itu jelas dan yang haram itu jelas, di antara keduanya ada beberapa perkara yang shubhah (belum tentu halal haramnya). Hal-hal yang shubhah itu tidak diketahui oleh sebahagian besar manusia. Maka barangsiapa yang takut melakukan perkara-perkara yang shubhah, bererti ia telah menjaga dirinya dari sesuatu yang mencemarkan kehormatan

²⁶ Surah al-Baqarah 2: 275.

²⁷ Surah al-Baqarah 2: 195.



Konsep ‘Halālān Tayyiba’ Dalam Pemakanan Dan Implikasinya Terhadap Kesempurnaan Ibadah

dirinya serta agamanya. Dan barangsiapa yang jatuh ke dalam perkara yang shubhah, maka ia telah jatuh ke dalam perkara yang haram, sebagaimana seorang pengembala yang menggembala di sekitar tempat yang terlarang, diragukan ternakannya itu makan dari tempat yang terlarang.”²⁸

Nas yang tertera dalam Hadith di atas itu menjelaskan tentang tiga jenis pembahagian. Yang sukar ialah bahagian pertengahan, sebab sebahagian besar manusia tidak mengetahui atau menyedarinya.²⁹

Perkara *shubhah* ini boleh berlaku sekiranya:

1. Ragu-ragu dengan meneliti sebab apa dihalalkan atau diharamkan. Apabila terdapat dua keyakinan, maka hukum yang perlu diterapkan mestilah berpandukan dengan apa yang pernah terjadi sebelumnya. Inilah yang mesti dilakukan dan tidak boleh dibiarkan terus dalam keraguan. Tetapi andaikata salah satu keyakinan itu mengatasi keyakinan yang lainnya, misalan ianya dapat dibuktikan dengan suatu bukti yang boleh dianggap sah dan benar, maka menerapkan hukum adalah kepada hukum yang dianggap menang tadi.³⁰
2. Ada juga *shubhah* yang diragui itu dengan sebab timbulnya percampuran. Maksudnya ialah bahawa ada sesuatu yang haram bercampur baur dengan sesuatu halal, sehingga sukar untuk dibezakan dan diasangkan antara keduanya.³¹

Pada masa kini, terdapat makanan yang diragui kehalalannya. *Shubhah* ini berlaku berkemungkinan hasil keraguan daripada cara penyediaan³², pemprosesan³³ dan sebagainya dan bukannya daripada nama bagi jenis makanan itu sendiri. Tambahan pula, dengan perkembangan sains dan

²⁸ al-Nawawi (1999), *op.cit.*, h. 207.

²⁹ Al-Qasimi, Muhammad Jamaluddin (2002), *Mua`izat al-Mukminin min Ihya' Uulum al-Din Bimbangan Mencapai Darjat Mukmin*, (terj.) H. Moh Abdai Rathomy, Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn Bhd, h. 393.

³⁰ al-Qāsimī (1994), *op.cit.*, h. 191.

³¹ al-Qasimi (2002), *op.cit.*, h. 397.

³² Ini termasuklah peralatan memasak dan tempat menyimpan makanan yang diharamkan Islam di mana ia tidak boleh sama sekali digunakan untuk menyedia dan menyimpan makanan yang halal.

³³ Antara contoh pemprosesan ialah kaedah penyembelihan yang mengikut syara'. Binatang yang halal untuk dimakan seperti lembu mestilah disembelih mengikut hukum Islam, yang mana penyembelihannya itu dilakukan oleh seorang Islam yang waras akal fikirannya, dengan memotong urat leher binatang sembelihan hingga putus, dengan menggunakan benda tajam seperti pisau. Selain itu, melafazkan 'Bismillah' atau niat kerana Allah dalam mazhab Shāfi'i perlu ada ketika menyembelih.



teknologi, pelbagai kaedah dilakukan dalam industri makanan sehingga sukar untuk diklasifikasikan sama ada ia halal atau haram. Oleh itu, cara yang terbaik bagi mengelakkan diri daripada terjerumus ke dalam makanan yang dikatakan *shubhah* adalah dengan mengambil pendekatan wara'.³⁴

Pendekatan wara' ini telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w iaitu ketika s.a.w. melihat cucu Baginda yang bernama Ḥasan bin 'Alī mengambil sebiji buah kurma dari hasil sedekah atau zakat. Waktu itu ia kecil lagi. Tiba-tiba Baginda s.a.w. bersabda: *Buang! Buang!* Kurma itupun dikeluarkan dari mulutnya.³⁵

Manakala contoh lain pendekatan wara' iaitu daripada *athar* para sahabat Rasulullah s.a.w. Antaranya:

1. Abū Bakr al-Ṣiddīq r. a. pada suatu hari minum seteguk susu yang diperolehi oleh seorang dari hamba sahayanya hasil dari tenungannya. Kemudian apabila selesai minum, ia bertanya, dari mana dia memperolehi susu tadi. Hamba sahayanya itu menjawab:

“Saya memberikan ramalan (tenungan) kepada suatu kumpulan manusia, Ialu sebagai upahnya saya diberikan susu itu. “Mendengar jawapannya ini beliau ra. segera memasukkan jari-jarinya ke dalam mulutnya dan berusaha agar susu tadi dimuntahkan -yang menceritakan kejadian ini mengatakan-; Beliau ra. terus muntah-muntah sehingga saya menyangka bahawa beliau akan meninggal dunia kerananya. “Setelah selesai muntah beliau ra. lalu berdoa: “Ya Allah! Hamba mohon kebebasan padamu dari makanan yang telah dibawa oleh urat-urat tubuh serta yang sudah bercampur aduk di dalam perut.”

2. Sahabat, 'Umar r.a. juga pernah minum susu dari seekor unta sedekah, tetapi ia merasa terkeliru, lalu dimasukkan jari-jarinya dan berusaha memuntahkannya hingga bersih perutnya.
3. Seorang ulama' bernama Sahl Tustārī berkata:

“Seseorang hamba itu belum lagi mencapai hakikat keimanan sehingga ia memiliki empat perkara ini, iaitu menunaikan segala kefarduan dengan berpandukan sunah, makan apa-apa yang halal dengan dasar warak (takwa yang sebenar-benarnya), menjauhi segala larangan agama, baik zahir ataupun batin serta sabar mengerjakan

³⁴ Wara' ialah suatu sikap berhati-hati karana takut berbuat sesuatu yang haram. Ia digalakkan untuk menjauhkan diri dari masalah yang masih syubhah.

³⁵ al-Qāsimī (1994), *op.cit.*, h. 190.



Konsep ‘Halālān Ṭayyiba’ Dalam Pemakanan Dan Implikasinya Terhadap Kesempurnaan Ibadah
segala suruhan dan larangan sebagaimana di atas tadi sehingga ia meninggal dunia.”³⁶

Pendekatan wara’ sebagaimana yang ditunjukkan di atas adalah yang terbaik dalam kes-kes *shubhah* agar seseorang itu tidak terambil perkara yang haram.

IMPLIKASI HALAL DAN HARAM DALAM PEMAKANAN TERHADAP KESEMPURNAAN IBADAH

Pengambilan makanan dan minuman sama ada yang halal atau haram akan memberi implikasi sama ada positif atau negatif khususnya terhadap ibadah kepada Allah S.W.T.. Perlu difahami bahawa penciptaan manusia adalah gabung jalin antara unsur jasad dan ruh. Pengambilan makanan akan memberi kesan secara langsung kepada kedua-dua unsur tersebut. Pemakanan yang halal akan memberi kesan yang positif dan yang tidak halal akan memberi yang negatif. Oleh itu seseorang muslim perlu memastikan bahawa dia hanya mengambil makan yang halal demi menjaga dua unsur tadi sentiasa dalam keadaan baik.

Antara implikasi daripada pengambilan makanan dan minuman yang halal dan haram ialah:

Kesan Pertama: Doa orang yang memakan makanan haram tidak diperkenankan oleh Allah S.W.T., berdasarkan maksud sebahagian Hadith dari Abū Hurayrah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda :

‘Kemudian ia menyambutkan seorang lelaki yang jauh perjalannya, yang kusut masai rambutnya, lagi berdebu mukanya menghulurkan kedua tangannya ke langit sambil berdoa: Hai Tuhanku, hai Tuhanku, pada hal makanannya haram, minumnya haram, pakaiannya haram dan diberi makan dengan yang haram pula, maka bagaimakah mungkin itu diperkenankan baginya?’³⁷

Di kalangan sahabat Baginda didapati mereka sangat berhati-hati dalam pengambilan makanan agar tidak terjebak dalam makanan yang haram. Diriwayatkan bahawa Sa`ad bin Abī Waqqās pernah ditanya tentang doa beliau yang sentiasa diperkenankan jika dibanding dengan para sahabat yang lain. Beliau berkata : “Aku tidak pernah mengangkat ke mulutku walau satu suap pun kecuali aku mengetahui sumber datangnya dan keluarnya suapan tersebut”.³⁸

³⁶ al-Qasimi (2002), *op.cit.*, h. 385.

³⁷ al-Nawawī (1999), *op.cit.*, h. 83.

³⁸ Maktabī, Nazīr Muḥammad (2001), *Safahāt Muṣhrīqah Min Ḥayāt al-Sābiqīn*.



Kesan Kedua: Baiknya pemakanan seseorang dan bersumberkan halal adalah syarat kepada kesempurnaan amalannya. Seorang yang hidup berbekalkan pemakanan yang halal dan baik akan memberi kesan kepada kesucian hati yang dicernakan dalam amal ibadah yang lebih sempurna. Sebaliknya pemakanan yang haram akan menjadi pendinding yang menghalang sesuatu amalan itu diterima oleh Allah. Ibn Rajab meriwayatkan kata-kata Abū ‘Abdillāh al-Nājī yang berbunyi: “*Lima sifat yang menyempurnakan amalan; beriman dengan cara mengenali Allah, mengenali kebenaran, mengikhlaskan amalan, beramal mengikut sunnah dan memakan yang halal. Jika salah satu daripada lima sifat ini hilang maka maka amalan tidak akan diangkat ke langit*”.³⁹

Kesan Ketiga: Destinasi terakhir kepada pemakanan haram ialah neraka. Hasil pemakanan seseorang akan membentuk sel-sel baru kepada badan manusia. Pembentukan sel-sel daging yang berdasarkan kepada pemakanan yang haram adalah menjadi bahan bakar kepada api neraka berdasarkan sabda Rasulullah S.A.W. :

‘*Setiap daging yang tumbuh dari bahan makanan yang haram maka api nerakalah yang lebih layak baginya*’).

KESIMPULAN

Halal dari sudut zat makanan atau minuman itu sahaja belum tentu menjamin kehalalannya. Ini kerana pengertian ‘*tayyib*’ itu seolah-olah menterjemahkan maksud sebenar perkataan halal. Halal dan haram sememangnya diketahui melalui nas-nas yang jelas daripada Allah S.W.T. dan RasulNya. Manakala ‘*tayyib*’ lebih menjurus kepada kaedah pengendalian secara teknikal, pengaplikasian, dan pengurusan yang berkaitan makanan dan minuman yang telah dihalalkan. Ini kerana, walaupun dari segi zatnya halal sesuatu makanan atau minuman itu tetapi ia boleh menjadikannya haram sekiranya unsur-unsur ‘*tayyib*’ ini diabaikan.

Sehubungan itu, dalam usaha ke arah mencapai kesempurnaan ibadah kepada Allah S.W.T., faktor pemakanan halal yang menepati konsep ‘*tayyib*’ termasuklah kebersihan dan kesuciannya, sumber rezeki individu, kesan makanan dan minuman kepada fizikal dan mental serta bebasnya daripada unsur *shubhah* merupakan perkara-perkara penting yang menyumbang ke arah kesempurnaan ibadah agar diterima oleh Allah S.W.T.. Ini kerana Allah S.W.T. itu baik, tidak menerima melainkan yang baik.

Beirut: Dār al Bishar al-Islāmiyyah, h. 92.

³⁹ Ibn Rajab al-Hanbalī (t.t), *op.cit.*, h. 107.